



 UNIT PENGURUSAN RISIKO	PROSEDUR RISIKO (OPERASI)	NO. RUJUKAN PR.UiTM.UPR.(O).03
		NO. KELUARAN 01
	PEMANTAUAN DAN SEMAK SEMULA RISIKO	NO. PINDAAN
		TARIKH 15/03/2023 KUATKUASA

**PROSEDUR
PEMANTAUAN DAN SEMAK SEMULA RISIKO
PR.UiTM.UPR.(O).03**

	Disediakan oleh	Disemak oleh	Diluluskan oleh
T/Tangan			
Nama	Dr. Shamshimah Samsuddin	Puan Faizatul Lina Aliar	Prof. Dr. Roslina Ab.Wahid
Jawatan	Koordinator Pengurusan Risiko (Strategik)	Wakil Pengurusan/ Penolong Pendaftar Kanan	Pengarah
Tarikh	01/02/2023	15/02/2023	15/03/2023

 UNIT PENGURUSAN RISIKO	PROSEDUR RISIKO (OPERASI)	NO. RUJUKAN PR.UITM.UPR.(O).03
		NO. KELUARAN 01
	PEMANTAUAN DAN SEMAK SEMULA RISIKO	NO. PINDAAN
		TARIKH KUATKUASA 15/03/2023

BIL.	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	Objektif	1
2.	Skop	1
3.	Dokumen Rujukan	1
4.	Definisi	2
5.	Singkatan	3
6.	Carta Alir Proses Pemantauan dan Semak Semula Risiko	4
7.	Rekod Kualiti	5
8.	Lampiran	5

 UNIT PENGURUSAN RISIKO	PROSEDUR RISIKO (OPERASI)	NO. RUJUKAN	PR.UiTM.UPR.(O).03
		NO. KELUARAN	01
	PEMANTAUAN DAN SEMAK SEMULA RISIKO	NO. PINDAAN	
		TARIKH KUATKUASA	15/03/2023

1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan untuk memastikan kesinambungan semua aktiviti yang terlibat dalam Sistem Pengurusan Risiko dapat mengikut perancangan dengan berkesan serta dapat dilaksanakan secara berterusan dalam memastikan keseluruhan kerangka dan proses pengurusan risiko berfungsi dengan baik. Dengan erti kata lain, tindakan susulan ke atas hasil dari setiap proses, penilaian semula ke atas risiko sekiranya perlu dan tahap keparahan risiko di semak semula.

Pelarasan keparahan diperlukan bergantung kepada:

- Faktor yang memberi kesan kepada kebarangkalian risiko dan sejauh mana impak risiko.
- Faktor yang memberi kesan kepada kesesuaian atau kos daripada pelbagai respon risiko.


Proses semak semula secara berterusan adalah perlu untuk memastikan tindak balas risiko kekal relevan. Sehubungan itu, proses semak semula patut dilakukan sekiranya perlu.

2.0 SKOP

Prosedur ini digunakan oleh semua PTJ bagi menguruskan risiko dengan memantau dan menyemak semula pelaksanaan Sistem Pengurusan Risiko.

3.0 DOKUMEN RUJUKAN

BIL.	JENIS
1.	Polisi dan Panduan Pengurusan Risiko Universiti Teknologi MARA
2.	Manual e-RMS
3.	ISO 31000:2018 - <i>Risk Management - Guidelines</i>
4.	Manual Kualiti UPR
5.	Daftar Risiko

 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA UNIT PENGURUSAN RISIKO	PROSEDUR RISIKO (OPERASI)	NO. RUJUKAN	PR.UiTM.UPR.(O).03
		NO. KELUARAN	01
	PEMANTAUAN DAN SEMAK SEMULA RISIKO	NO. PINDAAN	
		TARIKH KUATKUASA	15/03/2023

4.0 DEFINISI

Dalam pengoperasian di UiTM yang semakin kompleks, risiko sentiasa wujud dalam setiap operasi di UiTM. Maka satu pendekatan yang sistematik adalah amat penting dalam proses pengurusan risiko bagi mencapai objektif UiTM. Justeru, kerangka dan proses pengurusan risiko digunakan di semua PTJ secara konsisten bagi memantau dan menyemak semula risiko bagi setiap operasi yang dijalankan.

4.1 Risiko

Ketidakpastian tentang isu atau kejadian atau peristiwa yang boleh memberi impak kepada pencapaian atau objektif sesebuah organisasi. Ini termasuk sebarang halangan, kelemahan pengurusan, kerosakan, kecederaan, kerugian atau kejadian negatif.

4.2 Pengurusan Risiko


Aktiviti yang diselaraskan dalam pengurusan organisasi merangkumi proses mengenal pasti risiko dan memilih cara yang terbaik bagi menguruskan risiko tersebut.

4.3 Kerangka Pengurusan Risiko

Komponen penting dalam pengurusan risiko yang menjadi teras kepada organisasi yang merangkumi membentuk, melaksana, memantau, menyemak dan menambah baik pengurusan risiko organisasi.

4.4 Proses Pengurusan Risiko

Pengurusan polisi, prosedur dan amalan dalam organisasi merangkumi aspek komunikasi, mewujudkan konteks, mengenal pasti, menganalisis, menilai, memantau dan menyemak risiko.

 UNIT PENGURUSAN RISIKO	PROSEDUR RISIKO (OPERASI)	NO. RUJUKAN	PR.UiTM.UPR.(O).03
		NO. KELUARAN	01
	PEMANTAUAN DAN SEMAK SEMULA RISIKO	NO. PINDAAN	
		TARIKH KUATKUASA	15/03/2023

4.5 Isu Dalaman dan Luaran


Isu–isu yang relevan dengan tujuan dan halatuju strategik yang memberi kesan kepada keupayaan untuk mencapai keputusan yang diinginkan.

5.0 SINGKATAN

UiTM	Universiti Teknologi MARA
UPR	Unit Pengurusan Risiko
PTJ	Pusat Tanggungjawab
PYB	Pegawai Yang Bertanggungjawab
JPR	Jawatankuasa Pemilik Risiko
e-RMS	<i>Electronic Risk Management System</i>

 UNIT PENGURUSAN RISIKO	PROSEDUR RISIKO (OPERASI)	NO. RUJUKAN PR.UITM.UPR.(O).03
		NO. KELUARAN 01
	PEMANTAUAN DAN SEMAK SEMULA RISIKO	NO. PINDAAN
		TARIKH 15/03/2023 KUATKUASA

6.0 CARTA ALIR PROSES PEMANTAUAN DAN SEMAK SEMULA RISIKO

PROSES KERJA	TANGGUNGJAWAB	REKOD	CARTA ALIR
1. Merangka Pelan Pemantauan Pengurusan Risiko	JPR	Minit Mesyuarat JPR	 <pre> graph TD MULA([MULA]) --> 1[1] 1 --> 2[2] 2 --> 3[3] 3 --> 4[4] 4 --> 5[5] 5 --> TAMAT[/TAMAT/] </pre>
2. Mengenal pasti risiko yang sedia ada atau baru berdasarkan kepada <i>trend</i> dan persekitaran operasi	JPR	Lembaran kerja (Excel) Daftar Risiko, e-RMS	
3. Menentukan Pegawai yang Bertanggungjawab untuk menentukan kaedah kawalan dan tindakan	JPR PYB	Lembaran kerja (Excel) Daftar Risiko, e-RMS	
4. Membincangkan penilaian keseluruhan perubahan tahap risiko dalam mesyuarat JPR	JPR PYB	Minit Mesyuarat JPR, Lembaran kerja (Excel) Daftar Risiko, e-RMS	
5. Mengemaskini dan menyelenggara rekod aktiviti pengurusan risiko bagi menentukan risiko yang perlu diutamakan untuk diuruskan (<i>risk prioritization</i>)	JPR	Lembaran kerja (Excel) Daftar Risiko, e-RMS	

 UNIT PENGURUSAN RISIKO	PROSEDUR RISIKO (OPERASI)	NO. RUJUKAN PR.UITM.UPR.(O).03
		NO. KELUARAN 01
	PEMANTAUAN DAN SEMAK SEMULA RISIKO	NO. PINDAAN
		TARIKH KUATKUASA 15/03/2023

7.0 REKOD KUALITI


BIL.	JENIS REKOD	LOKASI	TEMPOH PENYIMPANAN
1.	Daftar Risiko	Lembaran Kerja (Excel) Daftar Risiko, e-RMS	5 Tahun
2.	Pelaporan Risiko	Lembaran Kerja (Excel) Pelaporan Risiko	5 Tahun
3.	Minit Mesyuarat JPR	UPR, PTJ	5 Tahun

8.0 LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Kerangka dan Proses Pengurusan Risiko
B	Jadual Lembaran Kerja Daftar Risiko(Excel)
C	Jadual Kebarangkalian Risiko
D	Jadual Impak Risiko

LAMPIRAN A

Kerangka dan Proses Pengurusan Risiko



LAMPIRAN C

Jadual Kebarangkalian Risiko

Skala Penarafan		Keterangan
1	Jarang	Sesuatu kejadian yang jarang berlaku. Sekali melebihi 3 tahun.
2	Kemungkinan rendah	Sesuatu kejadian yang rendah kemungkinan berlaku. Sekali dalam setiap 3 tahun.
3	Ada kemungkinan	Sesuatu kejadian yang mungkin berlaku. Sekali setahun.
4	Kemungkinan tinggi	Sesuatu kejadian yang besar kemungkinan akan berlaku. Sekali setiap 6 bulan.
5	Hampir pasti	Sesuatu kejadian yang kerap / hampir pasti berlaku. Sekali dalam sebulan.

LAMPIRAN D

Jadual Impak Risiko

Impak	Manusia	Reputasi	Kewangan	Operasi	Objektif
1 Tiada Kesan	Kecederaan yang tidak memerlukan rawatan / tidak menjejaskan produktiviti.	Aduan terpencil.	Implikasi kewangan sebagai rendah dan dalam ruang kawalan pemilik risiko untuk menguruskan secara dalaman.	Tidak dapat beroperasi kurang daripada 2 jam	Kesan yang sangat kecil.
2 Kecil	Mengalami kecederaan dan memerlukan rawatan pesakit luar / menjejaskan produktiviti pada tahap minimal.	1 – 5 aduan daripada pemegang kepentingan dan pelanggan.	Melibatkan implikasi kewangan kurang 10% daripada peruntukan keseluruhan Pusat Tanggung Jawab.	Tidak dapat beroperasi di antara 2 hingga 4 jam.	Kesan yang kecil dan boleh menyebabkan sedikit kelewatan. Boleh diusahakan.
3 Sederhana	Mengalami kecederaan dan perlu dirawat di hospital / ditahan di wad < 4 hari / menjejaskan produktiviti pada tahap proses kerja.	6 – 10 aduan daripada pemegang kepentingan dan pelanggan.	Melibatkan implikasi kewangan di antara 10% hingga 25% daripada peruntukan keseluruhan Pusat Tanggung Jawab	Tidak dapat beroperasi antara 1 – 3 hari.	Kelewatan sederhana dan kesukaran untuk mencapai sasaran prestasi yang ditetapkan.
4 Besar	Mengalami kecederaan dan perlu dirawat di hospital / ditahan di wad > 4 hari / mengakibatkan penurunan produktiviti pada peringkat jabatan.	Publisiti buruk dari akhbar tempatan dan antarabangsa.	Melibatkan implikasi kewangan lebih dari 25% hingga 50% daripada peruntukan keseluruhan Pusat Tanggung Jawab.	Tidak dapat beroperasi di antara 3 – 7 hari.	Kelewatan yang berpanjangan. Prestasi di bawah sasaran yang ditetapkan.
5 Sangat Besar	Kematian / mengakibatkan penurunan produktiviti universiti	Publisiti sangat buruk dari akhbar tempatan dan antarabangsa.	Melibatkan implikasi kewangan lebih 50% dari peruntukan keseluruhan Pusat Tanggung Jawab	Tidak dapat beroperasi melebihi 7 hari.	Kegagalan menyeluruh dari mencapai sasaran / objektif prestasi